

12 AUG 1998

Mahathir-Komanwel

KEMENANGAN ATLETIK UNTUK MALAYSIA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 12 Ogos (Bernama) -- Kemenangan atletik negara pada Sukan Komanwel ke-16 di sini bulan depan ialah untuk Malaysia dan bukannya untuk kepentingan individu atau bangsa tertentu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sesiapa yang memenangi pingat pada temasya sukan itu bermakna Malaysialah yang menang kerana atletik berkenaan ialah milik negara, kata Perdana Menteri.

"Kita harusutamakan negara tanpa mengira bangsa (kerana) yang kita hendak ialah kemenangan untuk negara," kata beliau di Stadium Putra, Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil di sini ketika menyampaikan amanat kepada kontinjen Malaysia yang akan menyertai Sukan Komanwel pada 11-21 Sept ini.

Dr Mahathir berkata rakyat di negara seperti Amerika Syarikat, Kanada dan Britain menerima dengan baik atletik mereka yang menang dalam acara balapan yang selalunya dimenangi rakyat mereka yang berkulit hitam.

"Para penyokong tidak mengambil kira warna kulit dan mereka tidak menyoal siapa yang menang sama ada kulit putih, hitam, kuning atau coklat," katanya.

Dr Mahathir juga berkata atletik negara perlu meneruskan latihan mereka menjelang Sukan Komanwel ini dengan lebih giat lagi serta mematuhi segala arahan jurulatih.

Selain dari aspek fizikal, mereka juga perlu bersedia daripada segi mental dan semangat yang merupakan faktor penting dalam menentukan kejayaan, katanya.

Menurutnya, Malaysia mungkin tidak mampu memenangi banyak acara yang dipertandingkan tetapi negara mempunyai atletik yang berkebolehan tinggi dalam beberapa acara tertentu.

Dr Mahathir juga berkata sukan tidak harus dicampur aduk dengan politik bagi menjamin kejayaan negara dan juga kejayaan sukan itu.

Beliau berharap tiada lagi atletik yang akan menarik diri daripada mengambil bahagian atas kepentingan peribadi dan tiada lagi atletik yang meminta layanan istimewa.

Dr Mahathir mengingatkan mereka supaya menjaga maruah negara dengan berushaa bersungguh-sungguh

"Tak menang tidak mengapa tetapi usaha mesti ada. Kita mesti guna tenaga ke tahap maksimum untuk mencapai kejayaan, hanya ketika itulah kita boleh kata Malaysia Boleh," katanya.

Pada majlis itu Perdana Menteri menyerahkan Jalur Gemilang kepada ketua kontinjen negara Datuk Khalid Yunus.

Yang turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Upacara penyerahan bendera negara itu diadakan sempena pertemuan Perdana Menteri dengan atletik-atletik negara. Ia bertujuan memberi perangsang kepada mereka yang akan menyertai temasya sukan kedua terbesar di dunia itu.

-- BERNAMA

MAM MAI